

BURUNG DENGAN ASAP TEBAL



Yazid Roslan

Ilustrasi :

Amy Hamizan

BURUNG DENGAN ASAP TEBAL




Yazid Roslan

Ilustrasi :

Amy Hamizan

*buku
prima*




Burung dan anaknya tinggal di sebuah hutan. Pada suatu hari, kedengaran suara Tupai memanggil kawan-kawannya.



"Kenapa kamu menjerit-jerit
Tupai?" tanya Burung.

“Tempat kita diserang asap tebal berwarna hitam. Sesak nafas saya kerana tersedut asap itu,” kata Tupai.






"Bertenang, biar saya meninjau
terlebih dahulu," kata Burung pula.



Burung yang berani itu terbang mencari
asap tebal.

Tiba-tiba, Burung terdengar satu suara
yang kuat.

"Hei Burung, kenapa kamu ada di sini?"
Asap Tebal itu bersuara.



"Saya mencari kamu! Wahai Asap Tebal,
mengapa kamu mengganggu kami?"

"Sayalah Jerebu! Saya lahir daripada
pencemaran udara yang dilakukan manusia.
Saya akan mendatangkan penyakit kepada
semua hidupan."



"Kami tidak bersalah. Mengapa kami dihukum
kerana perbuatan manusia?"

Angin, bantulah kami!" kata Burung.

Angin yang berada di situ bertiup kencang.

"Saya akan berundur. Tetapi, saya pasti datang lagi
apabila saya menjadi lebih kuat!"


Jerebu memberi amaran.






"Terima kasih Angin atas bantuan kamu. Apa yang menyebabkan pencemaran udara?"

Angin hanya tersenyum lalu berkata,
"Pencemaran udara berpunca daripada
pembebasan asap kilang, pembakaran
terbuka dan kejadian alam semula jadi
seperti letusan gunung berapi."



Burung pulang lalu bercerita
kepada kawan-kawannya. Mereka
berasa selamat dan kembali hidup
dengan gembira.



Hargai alam sekitar kerana ia dikongsi bersama-sama semua makhluk di muka Bumi.

